



PERSPEKTIF PENERAPAN KAEADAH TERJEMAHAN DALAM PENGAJARAN BAHASA KEDUA

[PERSPECTIVE ON THE IMPLEMENTATION OF TRANSLATION METHOD IN SECOND LANGUAGE TEACHING]

Nik Norimah Tuan Mat¹ & Maheram Ahmad²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author: *niknorimah@yahoo.com*

Received: 12/1/2023

Accepted: 19/1/2023

Published: 31/3/2023

Abstrak

Penerapan kaedah nahu-terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab didapati menyebabkan pelajar tidak mampu menguasai bahasa secara efektif. Justeru itu, kajian mengupas pandangan sarjana berkaitan konsep dan bentuk pelaksanaan kaedah nahu-terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Kajian ini bertujuan mengungkap beberapa perspektif penggunaan kaedah terjemahan dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua serta mengetengahkan kaedah terjemahan sebagai alat yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kajian ini adalah kajian kualitatif menerusi kaedah analisis kandungan terhadap buku, makalah dalam prosiding, artikel jurnal dan tesis. Hasil kajian mendapati keperluan kepada kaedah terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua tidak dapat dinafikan secara mutlak walaupun terdapat kelemahan dalam penggunaan kaedah ini. Tuntasnya, penggunaan kaedah terjemahan menerusi pendekatan yang pelbagai mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Kata kunci: penerapan, kaedah nahu- terjemahan, terjemahan, pengajaran bahasa kedua

Abstract

The implementation of grammar-translation method in Arabic teaching and learning process has a negative impact on student mastering the language effectively. The study is conducted to address scholars' view on the concept and implementation of grammar- translation method in teaching and learning of second language. Hence the study also aims to enlighten perspectives on translation method in the teaching of Arabic as second language and to highlight translation method as a tool supporting the process of teaching and learning. This is a qualitative research through the method of content analysis of books, articles in proceedings, journal articles and theses. The result shows that the need of translation method in teaching and learning Arabic as second language is undeniably despite of weakness in the implementation of the method. To conclude, the implementation of translation method using various approaches can increase the effectiveness of teaching and learning Arabic as second language.

Keywords: implementation, grammar-translation method, translation, second language teaching

PENDAHULUAN

Bagi melihat gambaran secara umum mengenai kaedah terjemahan, pemahaman mengenai definisi terhadap kaedah terjemahan perlu diperhalusi. Kaedah merujuk kepada cara atau aturan membuat sesuatu atau hukum atau prinsip (Noresah et al. 2005: 653). Kaedah juga merujuk kepada pelbagai prinsip dan amalan dalam pengajaran bahasa (Ramli et al. 1997: 103). Manakala terjemahan pula berasal dari bahasa protosemitik (*al-Arab*) iaitu *al-tarjamah* yang bermaksud mentafsirkan perkataan lisan atau tulisan dengan menggunakan bahasa lain (Puteri Roslina 2012: 2).

Catford (1965: 1) menyatakan terjemahan adalah operasi yang dilakukan terhadap bahasa iaitu proses menggantikan teks dalam satu bahasa (bahasa sumber) ke dalam teks bahasa lain (bahasa sasaran). Newmark (dalam Zainab & Zaiton, 1992, p. 10) menyatakan penterjemahan ialah suatu kesenian yang berperanan untuk menggantikan suatu pesan atau pernyataan yang bertulis dalam suatu bahasa dengan pesan atau pernyataan yang sama dalam bahasa lain. Ainon (1994: 16) memetik definisi Nida terhadap terjemahan iaitu terjemahan adalah penyalinan semula maklumat daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran dalam bentuk persamaan terdekat dan sejadi dari aspek makna dan gaya. Justeru itu, kaedah terjemahan dapatlah dirumuskan sebagai pelaksanaan tindakan tertentu bertujuan untuk menghasilkan teks yang sepadan daripada satu bahasa (bahasa sumber) kepada bahasa yang lain (bahasa sasaran).

SOROTAN SEJARAH KAEADAH TATABAHASA-TERJEMAHAN

Dalam konteks pengajaran bahasa, perkembangan dalam pengkajian bahasa telah melahirkan pelbagai kaedah pengajaran yang didasari oleh teori-teori tertentu seperti teori behaviorisme, kognitif dan interaksionalis. Pertembungan di antara teori-teori pemerolehan bahasa ini telah memberi impak kepada bentuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan sorotan sejarah, kemunculan teori-teori baru adalah

bertujuan untuk menambah baik kaedah pengajaran yang dilihat sewajarnya memberi impak besar kepada penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar.

Kaedah tatabahasa-terjemahan telah lama menjadi isu dan polemik dalam pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Kaedah tatabahasa terjemahan yang telah mendominasi pengajaran bahasa di Eropah dari tahun 1840-an hingga 1940-an merupakan antara pendekatan terawal digunakan dalam pengajaran bahasa. Ia turut dikenali sebagai pendekatan tradisionalis. Tinjauan sejarah memperlihatkan penentangan terhadap kaedah ini telah bermula pada separuh kedua abad ke-19 oleh ahli kumpulan Gerakan Reformasi (*Reform Movement*) yang merupakan sekumpulan ahli teori pengajaran bahasa yang menyokong pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang bersifat semula jadi. Golongan ini memperjuangkan pendekatan yang tidak dikongkong oleh peraturan bahasa. Usaha yang digerakkan oleh golongan ini akhirnya telah melahirkan kaedah baru dalam pengajaran bahasa iaitu kaedah terus (*direct method*) yang menolak dominasi terjemahan dalam pengajaran bahasa asing. Kritikan terhadap penggunaan kaedah terjemahan sebagai latihan dalam kelas pengajaran bahasa asing seterusnya telah melahirkan kaedah dengar-sebut (*bilingual method*) yang berpendirian penterjemahan adalah kaedah yang tidak relevan bagi merealisasikan kemahiran komunikasi lisan sebagai tujuan utama pembelajaran bahasa (House 2013: 63).

Pelbagai hujah dikemukakan oleh golongan yang menolak penggunaan kaedah tatabahasa-terjemahan dalam pengajaran bahasa asing atau bahasa kedua. Di sebalik impak negatif, pengaruh bahasa pertama di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua tidak dapat ditolak secara mutlak. Berdasarkan pandangan kognitif yang digunakan dalam perkembangan pendidikan semasa, bahasa ibunda pelajar adalah sumber berguna bagi mereka dalam proses pembelajaran bahasa. Pelajar merujuk bahasa yang telah diketahui oleh mereka sebagai sumber untuk mempelajari bahasa yang tidak diketahui. Dalam proses pembelajaran bahasa asing, apabila bahasa kedua dilihat sebagai bahasa yang wujud secara bersama dengan bahasa ibunda dalam minda pelajar, berlaku proses pendwibahasaan iaitu penggunaan dua bahasa. Pelajar sering kali menterjemahkan idea dari bahasa ibunda mereka kepada bahasa kedua dan sebaliknya dalam proses pembelajaran. Ini menunjukkan peranan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua (House 2013: 63).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, penggunaan kaedah nahu-terjemahan dilihat menyumbang kepada faktor lemahnya penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sebagaimana dinyatakan dalam kajian-kajian terdahulu. Antaranya, kajian oleh Azhar et al. (2006) yang menyatakan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lemah disebabkan oleh guru gemar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pengajaran. Ini selari dengan kajian Siti Ikbal (2006) yang mengutarakan bahawa pelajar tidak menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dengan baik disebabkan oleh faktor guru kurang berkomunikasi dalam bahasa Arab sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Abdul Salam (2007) juga menyimpulkan bahawa kaedah nahu-terjemahan merupakan antara punca para pelajar tidak menguasai

bahasa Arab dengan baik berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lalu. Manakala Rosni (2009) pula menyatakan bahawa pengajaran bahasa Arab yang terlalu berpusatkan guru menyebabkan lemahnya penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar kerana pelajar terlalu bergantung kepada terjemahan teks Arab ke bahasa Melayu oleh para guru. Kaedah seumpama ini dikesan menjadikan pelajar bersikap pasif untuk berinteraksi dan menggunakan bahasa Arab di dalam kelas.

Maka, wujud keperluan bagi mengkonsepsikan semula peranan bahasa ibunda bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Penterjemahan wajar dilihat dari sudut pandang baru sebagai aktiviti yang memberi kebaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Kajian ini dilihat penting untuk mengungkap beberapa perspektif terjemahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, mengetengahkan kaedah terjemahan sebagai alat yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua khususnya bahasa Arab serta menggalakkan pelaksanaan kaedah pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru bahasa Arab bagi meningkatkan penguasaan bahasa pelajar.

Berdasarkan permasalahan kajian ini, persoalan kajian yang telah timbul ialah:

1. Apakah konsep dan prinsip yang mendasari kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) dalam pengajaran bahasa kedua?
2. Apakah implikasi penggunaan kaedah terjemahan terhadap kefahaman dan penguasaan bahasa kedua dalam kalangan pelajar?
3. Bagaimanakah bentuk pelaksanaan kaedah terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah?

Melihat kepada persoalan kajian, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji konsep dan prinsip kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) dalam pengajaran bahasa kedua dan juga implikasi penggunaan kaedah terjemahan terhadap kefahaman dan penguasaan bahasa kedua dalam kalangan pelajar serta mengenalpasti bentuk pelaksanaan kaedah terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap buku, makalah dalam prosiding, artikel jurnal dan tesis. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif.

Latar Belakang Kajian

Tinjauan literatur terhadap kaedah terjemahan dalam pengajaran bahasa kedua merangkumi tiga aspek perbincangan utama iaitu konsep dan prinsip kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) dalam pengajaran bahasa kedua, implikasi penggunaan kaedah terjemahan terhadap kefahaman dan penguasaan

bahasa kedua dalam kalangan pelajar dan bentuk pelaksanaan kaedah terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Konsep dan prinsip kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) dalam pengajaran bahasa

Kaedah tatabahasa-terjemahan telah diamalkan secara meluas dalam pengajaran bahasa dan berfungsi untuk tujuan pedagogi semenjak kemunculannya pada abad ke-19. Melihat kepada nama kaedah ini, terdapat perkaitan yang rapat antara tatabahasa dan penterjemahan. Menerusi kaedah ini, pembelajaran hukum tatabahasa dianggap berlaku menerusi penterjemahan ayat. Penelitian terhadap prinsip-prinsip kaedah tatabahasa-terjemahan dilihat mampu memberi penjelasan mengenai aspek teras yang mendasari kaedah ini.

Larsen-Freeman (2000: 15-17) telah mengetengahkan beberapa prinsip yang mendasari pelaksanaan kaedah tatabahasa-terjemahan dalam pengajaran. Dari aspek tujuan atau objektif, kaedah ini bertujuan untuk membolehkan pelajar membaca karya-karya sastera dalam bahasa sasaran. Maka, kemahiran menulis dan membaca adalah kemahiran utama yang akan dibentuk. Dari aspek pendekatan, kaedah tatabahasa-terjemahan adalah kaedah pengajaran yang berteraskan pendekatan deduktif. Pendekatan deduktif terhadap peraturan tatabahasa yang eksplisit dianggap salah satu teknik pedagogi yang berguna. Kaedah pengajaran berpusatkan guru iaitu guru mempunyai autoriti dalam bilik darjah sebagai sumber rujukan utama dalam penyampaian ilmu dan kemahiran bahasa. Kaedah ini berpegang pada prinsip pembelajaran bahasa menerusi hafalan kosa kata menyediakan latihan mental yang baik. Oleh itu, pada peringkat awal pembelajaran perbendaharaan kata amat dititikberatkan. Namun begitu, kata-kata sering kali diberi dalam bentuk terasing daripada konteks dan disusun dalam ayat melalui hukum tatabahasa. Kaedah ini juga amat mengutamakan pembelajaran mengenai peraturan tatabahasa bahasa sasaran.

Cook (2010: 10) mengulas mengenai bentuk pelaksanaan kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*). Menurutnya, bahasa diajar dengan cara menggabungkan dua elemen utama pengajaran iaitu penerangan dan pengajaran peraturan tatabahasa bahasa sasaran. Peraturan tatabahasa diberikan tahap-tahap tertentu berdasarkan aras kesukaran. Pengajaran dimulakan dengan aras yang paling mudah dan utama dalam sukatan pelajaran. Setiap pelajaran diberikan di dalam bahasa ibunda pelajar terlebih dahulu, memberi penekanan terhadap proses mengingati peraturan tatabahasa yang telah dipelajari dalam kalangan pelajar. Guru akan memberi latihan dan ujian bagi menguji penguasaan pelajar. Ujian dan latihan yang diberikan oleh guru adalah berbentuk aktiviti terjemahan terhadap ayat mudah yang mengandungi peraturan tatabahasa yang telah dipelajari.

Penerapan kaedah ini amat dipengaruhi oleh tatabahasa. Kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) lebih menitikberatkan penguasaan tatabahasa berbanding kosa kata. Penerapan kosa kata adalah berteraskan padanan terjemahan. Di dalam kaedah ini, latihan terjemahan hanya berasaskan kosa kata dan peraturan tatabahasa yang telah dipelajari semata-mata. Pengetahuan bersifat kumulatif dan mempunyai tahap-tahap tertentu. Justeru itu, matlamat akhir pembelajaran adalah

pelajar menguasai peraturan tatabahasa dan berupaya menggunakan bagi tujuan terjemahan.

Meskipun kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) ini disifatkan sebagai suatu kaedah pengajaran bahasa, buku-buku rujukan berteraskan kaedah ini hanya menyatakan apa yang perlu diajar tanpa membincangkan bagaimana pengajaran dijalankan secara intensif. Bagi pelajar yang ingin mempelajari bahasa secara individu menggunakan panduan belajar kendiri (*self-study guide*), prosedur pembelajaran adalah mengikuti pelajaran-pelajaran di dalam buku berdasarkan sukatan pelajaran dari awal hingga akhir, memahami dan mengingati peraturan tatabahasa dan kosa kata yang diketengahkan, membuat latihan dan ujian kendiri menerusi aktiviti terjemahan berpandukan jawapan yang disediakan di dalam buku tersebut (Cook 2010: 11).

Bentuk pengajaran adalah berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Guru berperanan memastikan pemahaman peraturan tatabahasa yang baru dipelajari dan mengemukakan jawapan yang betul bagi setiap latihan dan ujian yang dijalankan. Guru akan memberikan keterangan lanjut apabila diperlukan, menyatakan pandangan terhadap sesuatu isu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bentuk pembelajaran sebegini lebih berpusat pada guru dan juga buku teks. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi arahan bagi keseluruhan prosedur kelas. Menerusi kaedah ini, pembelajaran cuma mewariskan ilmu yang sama dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kesannya, pelajar tidak berupaya untuk menghasilkan kelainan dan pembaharuan terhadap pengetahuan seiring dengan perkembangan zaman (Cook 2010: 11).

Kaedah tatabahasa- terjemahan menerima kritikan disebabkan kelemahan dan kekurangan dalam pelaksanaannya. House (2013: 60) mengutarakan hujah golongan yang mengkritik dan menolak penggunaan terjemahan dalam pembelajaran bahasa asing. Terdapat enam faktor utama penolakan dan penentangan terhadap terjemahan. Faktor pertama, bahasa penterjemahan disifatkan sebagai suatu gangguan terhadap proses semula jadi dalam pembelajaran bahasa asing. Kehadiran bahasa ibunda pelajar berpotensi untuk mencemarkan penggunaan bahasa asing di dalam sesebuah kelas. Di samping itu, gangguan turut berlaku apabila pelajar melakukan penterjemahan dari bahasa asing kepada bahasa ibunda mereka. Kehadiran elemen bahasa asing yang mengelirukan dalam fikiran pelajar dikatakan mampu menjasaskan penguasaan bahasa ibunda mereka. Namun demikian, hujah yang dikemukakan ini masih belum dapat dibuktikan melalui penyelidikan eksperimental.

Faktor kedua, terjemahan mempunyai pengaruh negatif kepada penggunaan aktif sesuatu bahasa asing yang dipelajari. Justeru itu, penggunaan terjemahan daripada bahasa asing bagi menjelaskan makna perkataan dan frasa dalam bahasa asing juga ditolak kerana ia dikatakan menggalakkan pengetahuan pasif tentang bahasa asing. Faktor ketiga, terjemahan dikatakan sangat mengelirukan kerana ia mempengaruhi pelajar untuk mempercayai wujudnya padanan satu lawan satu dari sudut makna antara item leksikal dalam kedua-dua bahasa dengan hujah tiada padanan satu lawan satu dan had kebolehterjemahan jelas kelihatan apabila pelajar cuba menterjemahkan teks kesusasteraan asing dalam bahasa ibunda mereka.

Penterjemahan dirasakan tidak sesuai disebabkan ketidaksempurnaan teks terjemahan mampu merosakkan teks asal serta mengurangkan nilai ‘kehidupan semula’ teks tersebut dalam bahasa ibunda pelajar (House 2013: 61).

Faktor keempat, penterjemahan dikatakan sebagai aktiviti yang bersifat luar biasa dan khusus. Justeru itu, penterjemahan tidak membantu bahkan menghalang perkembangan kemahiran asas dalam pembelajaran iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penterjemahan dianggap sebagai kemahiran kelima dan bersifat istimewa yang mana ia hanya digunakan setelah pelajar menguasai keempat-empat kemahiran utama dalam bahasa tersebut. Justeru itu, penterjemahan dianggap tidak berperanan bagi pengujian bahasa. Terjemahan sebagai kemahiran kelima dianggap berasingan dari empat kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa. Kesannya, apa-apa yang diuji oleh terjemahan bukanlah kecekapan linguistik atau kefasihan dalam mana-mana kemahiran bahasa sebaliknya adalah kemahiran kelima yang bersifat istimewa dan berasingan (House 2013: 61).

Ini selari dengan Cook (2010) yang menyatakan bahawa kritikan terhadap kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*) adalah merujuk kepada penekanan terhadap peraturan tatabahasa. Ia dianggap bersifat eksklusif dan tertutup terhadap ketepatan peraturan tatabahasa semata-mata dengan mengabaikan kefasihan pertuturan, serta mementingkan penulisan dengan mengabaikan pertuturan secara praktis. Ia juga mengetengahkan ayat yang dicipta dan bersifat janggal dari penggunaan bahasa yang sebenar berbanding teks yang bersifat tulen dalam penggunaan bahasa yang sebenar.

Faktor kelima, kemunculan kaedah dengar-sebut (*audio lingual method*) yang berteraskan komunikasi lisan mengkritik penggunaan terjemahan sebagai latihan dalam kelas dengan andaian kemahiran dalam komunikasi lisan merupakan tujuan utama pembelajaran bahasa. Penterjemahan yang berteraskan bahasa bertulis dilihat tidak relevan bagi mencapai tujuan ini (House 2013: 61). Manakala faktor keenam, kepercayaan bahawa terjemahan menghasilkan jenis kedwibahasaan yang salah iaitu kedwibahasaan majmuk bukannya kedwibahasaan koordinat merupakan hujah bagi golongan yang menentang penggunaan terjemahan dalam pengajaran bahasa asing. Terjemahan dilihat tidak berperanan jika pembelajaran bahasa yang berjaya disandarkan kepada keupayaan mencapai tahap kedwibahasaan koordinat yang mana ia melibatkan keupayaan untuk berfikir dalam bahasa asing (House 2013: 62).

Terjemahan dikatakan menggalakkan pelajar membentuk perkaitan intralinguistik antara bahasa ibunda mereka dengan bahasa asing seterusnya menghasilkan kod gabungan atau kedwibahasaan majmuk yang tidak sewajarnya. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat membentuk hubungan secara langsung antara bahasa asing dengan realiti ekstra linguistik yang dikodkan oleh bahasa asing tersebut. Namun demikian, dakwaan ini masih belum terbukti malah perbezaan antara kedwibahasaan majmuk dan kedwibahasaan koordinat masih dipersoalkan (House 2013: 62).

Implikasi penggunaan kaedah terjemahan dalam pengajaran bahasa kedua

Meskipun terdapat kritikan terhadap kaedah tatabahasa-terjemahan (*grammar-translation*), peranan terjemahan di dalam pengajaran bahasa tidak wajar diabaikan secara mutlak. Penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran bahasa kedua mempunyai kesan positif terhadap nilai psikologi pelajar. Terjemahan secara tidak langsung mampu menjadi satu bentuk sokongan persekitaran bagi pelajar. Pelajar membawa kekuatan bahasa ibunda yang mereka miliki ke dalam kelas secara realitinya. Justeru itu, adalah mustahil untuk mewujudkan kelas yang mana pelajarnya memiliki kemampuan yang sama kerana sebahagian pelajar memiliki kemahiran mendengar yang lebih manakala sebahagian pelajar yang lain memiliki kefahaman sintaksis dan leksikal yang lebih baik. Penggunaan bahasa ibunda di dalam kelas pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing mempunyai kelebihan dari aspek psikologi, malah berfungsi sebagai alat pedagogi yang bersifat praktis bagi membuka laluan bagi pengetahuan sedia ada dalam diri pelajar. Penggunaan bahasa ibunda pelajar di dalam kelas mampu menyokong dan meningkatkan pembelajaran pelajar menerusi pengetahuan sedia ada dalam diri mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Vaezi & Mirzaei 2007: 6).

Penggunaan bahasa ibunda juga dapat meringankan kesukaran bahasa asing yang dipelajari serta mengelakkan kejutan budaya dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pelajar menjadi lebih bersedia untuk mempelajari bahasa kedua. Pembelajaran pelajar boleh ditingkatkan dengan cara mengintegrasikan bahasa ibunda pelajar ke dalam pengalaman pendidikan sekali gus meletakkan bahasa ibunda mereka di kedudukan yang hampir setara dengan bahasa asing atau bahasa kedua yang sedang dipelajari. Penggunaan bahasa ibunda boleh dianggap sebagai suatu terapi kemanusiaan bagi pelajar. Justeru itu, tindakan menyingkirkan atau mengehadkan penggunaan bahasa ibunda tidak menjamin pemerolehan bahasa yang lebih baik (Vaezi & Mirzaei 2007: 6).

Terjemahan dihindari kerana mempunyai impak negatif terhadap pengajaran. Terdapat perbezaan antara penterjemahan sebagai teknik pengajaran dengan penterjemahan sebagai matlamat dalam pengajaran bahasa. Proses pembelajaran dapat diperkayakan melalui usaha meningkatkan kesedaran pelajar mengenai sifat bahasa yang tidak selari. Disebabkan faktor ini, penterjemahan membolehkan pelajar berfikir secara perbandingan terhadap kedua-dua bahasa menerusi aktiviti yang bersifat amali (Vaezi & Mirzaei 2007: 7).

Bentuk pelaksanaan kaedah terjemahan dalam pengajaran bahasa kedua

Menerusi kaedah terjemahan, penyampaian pengajaran adalah melalui aktiviti penterjemahan dari bahasa ibunda ke bahasa sasaran dan sebaliknya. Bahasa pertama dan penterjemahan memainkan peranan penting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Bahasa pertama merupakan sumber yang membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kecekapan yang kukuh dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Ini selari dengan prinsip pendidikan yang menekankan kaitan antara pengetahuan baharu dan pengetahuan sedia ada dapat ditafsirkan

sebagai sesuatu yang melibatkan proses pendwibahasaan dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing.

Kaedah nahu-terjemahan menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menerusi kaedah ini, pelajar menggunakan terjemahan untuk menganalisis bahasa yang dipelajari (Harun 2017: 226). Vaezi & Mirzaei (2007: 4) menjelaskan peranan bahasa ibunda dalam sesebuah kelas pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Antara peranan bahasa ibunda ialah membolehkan pelajar menganalisis bahasa, membahaskan peraturan tatabahasa, menjelaskan kesilapan bahasa, membincangkan isu lintas budaya serta menyemak kefahaman. Penggunaan bahasa ibunda juga membolehkan guru menerangkan peraturan tatabahasa, menyampaikan makna serta mengurus kelas. Di samping itu, pelajar boleh mengaplikasikannya dalam pembelajaran kolaboratif serta berfungsi sebagai strategi pembelajaran individu.

Kajian yang dijalankan oleh Ibrahim (2003), Nor Azmi (2003), Intan Safinaz (2003), Norhazlina (2009), Maimun Aqsha (2009), Goh (2010), Nair (2011), Rosni (2013), Nik Norimah (2015) dan Harun (2017) diketengahkan bagi mengenalpasti bentuk pelaksanaan kaedah terjemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berpotensi untuk diterapkan oleh guru dalam bilik darjah.

Menurut Asmah Omar (1984) dalam Ibrahim (2003: 44-45), kaedah nahu-terjemahan terbahagi kepada dua komponen utama iaitu komponen pertama, merangkumi pelajaran mengenai rumus-rumus nahu manakala komponen kedua melibatkan penggunaan terjemahan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Guru-guru melaksanakan kaedah ini dengan cara memberikan ayat-ayat bahasa Arab seterusnya menterjemahkan ayat-ayat tersebut ke bahasa ibunda secara langsung.

Maimun Aqsha (2009: 37) menyatakan bahawa kaedah nahu-terjemahan atau dikenali juga sebagai kaedah *taqlidiyah* sesuai digunakan bagi tujuan pembelajaran kemahiran kefahaman menulis dan juga kemahiran kefahaman membaca namun tidak sesuai digunakan untuk kemahiran kefahaman bertutur dan kemahiran kefahaman mendengar terutamanya bagi pelajar peringkat permulaan dan pertengahan. Oleh itu, kaedah nahu-terjemahan ini lebih berkesan sekiranya digunakan bagi tujuan pembelajaran menulis dan membaca bahasa kedua.

Nor Azmi (2003: 637-639) dalam penulisannya mencadangkan penggunaan terjemahan sebagai alternatif berkesan bagi mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Terjemahan meningkatkan penguasaan tatabahasa dan kemahiran berkomunikasi di dalam bahasa kedua. Beberapa contoh teknik pembelajaran bahasa menggunakan terjemahan di dalam kelas bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dicadangkan sebagaimana berikut:

- a. Pembelajaran 1: Menterjemah teks
- a. Aktiviti pra-terjemah

Tujuan: Mengintegrasikan terjemahan dan kemahiran membaca.

1. Guru memulakan pengenalan mengenai topik yang berkaitan dengan masyarakat dan budaya Melayu. Guru mengeluarkan beberapa kata kunci bahasa Inggeris yang diketahui oleh pelajar dan perkataan yang tidak diketahui oleh pelajar di dalam teks dan menulis dalam bahasa Melayu di papan hitam.
2. Pelajar membaca teks dan mengenalpasti padanan dalam bahasa Inggeris bagi perkataan di papan hitam dalam teks. Tugasan dijalankan secara berkumpulan atau dua orang.
3. Guru meminta setiap kumpulan mengemukakan jawapan dan membandingkan jawapan masing-masing.

ii. Aktiviti menterjemah

Tujuan: Meningkatkan kesedaran terhadap fungsi konteks

1. Bahagikan teks kepada tiga bahagian, bentuk tiga kumpulan dan berikan teks berbeza untuk diterjemahkan oleh ketiga-tiga kumpulan.
2. Pelajar yang mendapat teks yang sama berpecah kepada tiga kumpulan, berbincang dan membandingkan hasil terjemahan masing-masing dan memutuskan hasil terjemahan yang terbaik.
3. Pelajar kembali kepada kumpulan asal dan membincangkan perubahan yang bersesuaian terhadap hasil terjemahan.
4. Semua pelajar membandingkan hasil terjemahan dan membincangkan perbezaan pada hasil akhir terjemahan.

iii. Pasca aktiviti terjemahan

Tujuan: Meningkatkan kesedaran menerusi terjemahan.

1. Pelajar membandingkan dan membincangkan hasil terjemahan mereka dan mengisi carta perbandingan.

b. Pembelajaran 2: Mengajar peribahasa Melayu

Tujuan: Memperkenalkan kepada pelajar keunikan bahasa dan budaya Melayu menerusi aktiviti menterjemah, menginterpretasi dan menuturkan peribahasa Melayu.

1. Tuliskan satu peribahasa Melayu. Contoh: ‘Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit’.
2. Perdengarkan cara sebutan beberapa kali. Sebutkan perkataan dengan kuat. Tuliskan perkataan dan ingat kembali cara sebutan.
3. Terjemahkan setiap perkataan.

4. Cari peribahasa di dalam bahasa Inggeris yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa tersebut.
5. Ulang aktiviti dengan menggunakan peribahasa lain. Galakkan pelajar menggunakan kamus dan tesaurus.

Intan Safinaz (2003: 722) pula mencadangkan aktiviti terjemahan sebagai salah satu kaedah pengajaran bahasa bagi meningkatkan kecekapan membaca dalam kalangan pelajar. Dalam kajian yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar kursus terjemahan, langkah-langkah tersebut telah digunakan:

1. Pelajar memilih teks sastera yang mempunyai tidak lebih dari 750 patah perkataan untuk diterjemahkan.
2. Pelajar menterjemahkan teks dengan menggunakan kamus ekabahasa dan kamus dwibahasa dalam tempoh dua minggu.
3. Pelajar memberikan komen mengenai pengalaman mereka dalam menterjemahkan teks.
4. Guru menyemak hasil terjemahan.

Norhazlina (2009: 344) mendapati terjemahan merupakan teknik yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing di luar negara. Terjemahan berfungsi dalam pengajaran kosa kata dan serta memudahkan komunikasi antara pengajar dan pelajar yang berlainan bahasa. Beberapa latihan pengajaran yang berasaskan kaedah terjemahan dikemukakan sebagaimana berikut:

Latihan 1

1. Pelajar mendengar lagu pilihan guru sehingga habis.
2. Pelajar diminta menterjemahkan lagu tersebut dalam bentuk lisan bagi tugas berkumpulan.
3. Pelajar diminta menterjemahkan lagu tersebut dalam bentuk tulisan bagi tugas individu.

Latihan 2

1. Pelajar diminta menyenaraikan beberapa perkataan yang diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran.
2. Pelajar menyenaraikan perkataan tersebut mengikut kelas kata.
3. Pelajar membina ayat dari perkataan tersebut.

Latihan 3

1. Pelajar diminta menterjemah bait-bait tertentu dalam lagu menggunakan struktur ayat yang betul Kesemua latihan ini bertujuan melatih pelajar membina ayat dalam bahasa sasaran yang gramatis serta meningkatkan kemahiran lisan pelajar.

Goh (2010) telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti fungsi terjemahan dalam pembelajaran bahasa menerusi beberapa pendekatan pengajaran bahasa Arab menggunakan terjemahan sebagaimana berikut:

1. Guru menyediakan soalan berbentuk kosa kata tanpa bantuan terjemahan dan dengan bantuan terjemahan.
2. Soalan melibatkan golongan kata yang mempunyai makna semantik iaitu golongan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata ganda.
3. Guru mengenalpasti beberapa perkataan untuk diajarkan kepada pelajar dalam tempoh seminggu.
4. Guru menyediakan terjemahan dalam bahasa sasaran bagi setiap kosa kata yang telah dikenal pasti.
5. Keterangan lanjut dan terjemahan disediakan bagi kosa kata yang mendukung makna konotasi, kolokasi dan konteks.
6. Pelajar dikehendaki menghafal perkataan tersebut dalam tempoh satu minggu.
7. Guru memberi terjemahan dalam bahasa sumber manakala pelajar memberi padanan dalam bahasa sasaran.
8. Guru mengadakan ujian atau peperiksaan bagi menguji kemampuan pelajar menggunakan kosa kata secara praktis.

Kajian Goh (2010) ini mendapati terjemahan bahasa Mandarin membantu pelajar menguasai kosa kata bahasa Melayu. Bagi memudahkan pemahaman dan penguasaan kota, setiap kosa kata bahasa Melayu (bahasa sasaran) yang diajar perlu disertakan dengan padanan dalam bahasa Mandarin (bahasa ibunda). Beberapa kaedah terjemahan dicadangkan antaranya menggunakan kaedah terjemahan literal bagi menterjemah kosa kata yang mengandungi makna konkret atau denotasi dan kaedah terjemahan deskriptif bagi menterjemah kosa kata yang mendukung makna kolokasi atau konteks.

Nair (2011) mencadangkan penggunaan terjemahan bagi meningkatkan minat pelajar mempelajari bahasa Inggeris. Penggunaan terjemahan dalam pembelajaran kosa kata baru secara tidak langsung membantu meningkatkan kecekapan bahasa, meninggikan imej kendiri dan kemahiran membaca serta membina keyakinan diri untuk menggunakan kosa kata yang telah dipelajari. Langkah-langkah pengajaran berikut telah diketengahkan (Nair 2011: 386):

1. Pelajar dibahagikan kepada lapan kumpulan.
2. Pelajar diminta mendapatkan teks dalam bahasa Melayu berkaitan perubatan, sains teknologi, pendidikan, pertanian, sains komputer, sejarah dan cerita pendek.
3. Pelajar diminta mencari teks pendek dari pelbagai sumber yang diminati.
4. Pelajar menterjemah teks ke bahasa Inggeris.
5. Pelajar diminta menyediakan senarai kosa kata baru yang diperoleh dari aktiviti terjemahan.
6. Pelajar menyerahkan senarai kosa kata kepada guru.
7. Guru membuat ujian kosa kata berdasarkan senarai yang diberikan oleh pelajar.
8. Guru meminta pelajar memilih kosa kata yang disukai dari senarai dan memberikan makna dengan menterjemah.
9. Pelajar diminta berkongsi jadual kosa kata yang baru dipelajari berserta terjemahan dengan rakan-rakan sekelas.
10. Pelajar memberikan salinan teks asal dan hasil terjemahan kepada kelas.
11. Pelajar dibahagikan kepada kumpulan.
12. Secara berkumpulan, pelajar menggariskan perkataan yang dirasakan telah lemah terjemahannya.
13. Pelajar diminta menterjemah semula perkataan tersebut.
14. Guru mengadakan ujian bagi mengenal pasti tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap kosa kata yang baru dipelajari.

Nair (2011) mendapati pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran apabila aktiviti terjemahan digunakan di dalam kelas. Pengajaran kosa kata menggunakan terjemahan meningkatkan motivasi pelajar terhadap tugas pembelajaran. Justeru itu, terjemahan boleh digunakan sebagai satu strategi kognitif yang berkesan bagi membantu pelajar membuat perbandingan silang bahasa yang membantu mereka memahami, mengingati dan menggunakan bahasa dalam persekitaran yang membina. Menerusi integrasi yang baik antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran, guru mampu mewujudkan pembelajaran berpusatkan pelajar serta menggalakkan pembelajaran kendiri.

Rosni (2013) berpandangan guru perlu memberi ruang untuk pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu dibimbang bagi mencari makna perkataan dalam sesbuah teks. Penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti penterjemahan kata membolehkan mereka berfikir serta menerima perbendaharaan kata baru secara serentak. Aktiviti penterjemahan kata boleh dijalankan dengan pelbagai cara sebagaimana berikut:

1. Menterjemah perkataan ke dalam bahasa Melayu.
2. Menterjemah perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab.
3. Menterjemah perkataan dengan mengemukakan perkataan berlawanan (antonim).
4. Menterjemah perkataan dengan mengemukakan perkataan seerti (sinonim).
5. Menterjemah perkataan dengan melakukan aksi atau berlakon.
6. Menterjemah perkataan melalui pembinaan ayat.
7. Menterjemah perkataan dengan menggunakan gambar atau objek.
8. Menterjemah perkataan dengan menggunakan kamus.

Nik Norimah (2015) mengemukakan beberapa cara pelaksanaan kaedah terjemahan oleh guru bahasa Arab iaitu penerapan bahasa ibunda sebagai bahasa perantaraan dalam kelas. Guru menggunakan bahasa Melayu bagi menangani pelajar yang lemah berbahasa Arab. Guru-guru didapati kurang jelas mengenai prinsip dan tatacara pelaksanaan kaedah nahu-terjemahan. Sebaliknya guru didapati kerap menggunakan kaedah analisis nahu kontrastif bagi memberi kefahaman mengenai tatabahasa Arab. Guru mengaitkan tatabahasa Arab dengan pengetahuan sedia ada pelajar mengenai tatabahasa Melayu dan Inggeris dengan cara melakukan perbandingan tatabahasa Arab dengan tatabahasa Melayu atau tatabahasa Inggeris. Guru juga kerap menggalakkan pelajar agar menggunakan kamus bagi menterjemahkan petikan teks bahasa Arab. Tuntasnya, penggunaan kaedah terjemahan dikesan bergantung kepada tahap penguasaan dan kemahiran pelajar. Kaedah ini digunakan bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran asas berbahasa serta memahami kosa kata.

Muntaha Farah et al. (2017) menghuraikan fungsi terjemahan sebagai alat yang berguna dalam pengajaran bahasa kedua. Terjemahan boleh digunakan bagi mengenalpasti perkataan dan frasa baru, menjelaskan isu berkaitan tatabahasa, pengajaran frasa idiomatik dan budaya, menjelaskan kefahaman teks, menangani kesilapan berkaitan bahasa ibunda, menyemak bacaan teks serta kemahiran mendengar serta menghuraikan aktiviti dalam kelas. Namun demikian, guru perlu memastikan agar tidak berlebihan dalam menggunakan bahasa ibunda agar pelajar mempunyai ruang untuk berfikir dan menggunakan bahasa kedua dalam pembelajaran.

Harun (2017) dalam kajiannya telah menganalisis penggunaan strategi terjemahan dalam kalangan pelajar universiti menerusi tugas terjemahan novel adaptasi Arab bertajuk *غمارات توم سوير*. Kajian mendapati pelajar menggunakan kaedah *calque*, pengurangan, transposisi, modulasi, peminjaman serta penambahan dalam menterjemahkan teks yang diberikan. Teknik terjemahan *calque* dikenalpasti sebagai teknik yang paling kerap digunakan oleh pelajar. Teknik ini menyerupai terjemahan harfiah namun struktur atau leksikal bahasa sumber dalam bahasa Sasaran masih dikekalkan. Ini menunjukkan kecenderungan pelajar untuk menggunakan strategi terjemahan terus dalam penterjemahan. Namun demikian, strategi terjemahan terus menghasilkan terjemahan yang bersifat janggal. Oleh itu, pelajar perlu diberi pendedahan mengenai teknik dan kemahiran menterjemah agar terjemahan yang dihasilkan lebih tepat dan berkualiti (Harun 2017: 237).

Harun (2017) menyatakan terjemahan wajar dilihat sebagai strategi pembelajaran yang berbeza daripada kaedah nahu terjemahan. Dewasa kini, para penyelidik bahasa memperakui bahawa strategi pembelajaran terjemahan merupakan salah satu sub strategi dalam pembelajaran bahasa. Strategi pembelajaran terjemahan (SPT) adalah strategi pembelajaran yang memfokuskan kepada peranan penterjemahan dalam pembelajaran bahasa asing. Ia berfungsi sebagai strategi kognitif, sosial, ingatan, afektif serta tampungan bagi menggalakkan perkembangan menulis, membaca serta kosa kata dalam kalangan pelajar (Harun et al. 2017).

KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan sejauh mana kaedah terjemahan mampu diterapkan dalam pengajaran bahasa kedua. Peranan bahasa pertama dan penterjemahan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran tidak wajar dinafikan secara mutlak. Bahasa pertama merupakan sumber yang membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan dan kecekapan yang kukuh dalam pembelajaran bahasa kedua. Penterjemahan wajar dilihat dari perspektif positif sebagai aktiviti yang memberi kebaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing dengan mengiktiraf fungsi terjemahan dalam sebagai alat yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan kaedah ini sudah pasti mempunyai cabaran tersendiri kepada para guru kerana kebijaksanaan mereka dalam menggarap proses pengajaran dan pembelajaran akan mempengaruhi penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar.

Tinjauan literatur terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan kaedah terjemahan adalah masih signifikan dan relevan untuk diterapkan dalam pengajaran bahasa kedua meskipun mempunyai kelemahan dan kekurangan sebagaimana dinyatakan oleh para pengkaji. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia, penggunaan kaedah terjemahan boleh divariasi dengan mengambil kira cadangan-cadangan bentuk pelaksanaan kaedah terjemahan yang telah dikemukakan berdasarkan tinjauan literatur terhadap kajian-kajian lepas bagi mencapai matlamat pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Penerapan kaedah terjemahan menerusi pendekatan yang pelbagai dapat mencetuskan inovasi dalam pendidikan sekaligus meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar. Penggunaan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu secara wajar dan bertujuan adalah masih relevan selaras dengan tahap dengan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Salam Mohamed Ibrahim. (2007). *Pendekatan Komunikatif dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah: Persepsi Guru-guru Bahasa Arab di Melaka*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Muhammad. (1994). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi & Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2006). *Penguasaan pelajar sekolah menengah aliran agama terhadap pengajaran ilmu retorik Arab*. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Catford, J.C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation*. Oxford University Press.
- Cook, G. (2010). *Translation in Language Teaching*. Oxford University Press.
- Goh, S.S. (2010). Peranan terjemahan dalam penguasaan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah beraliran Cina. Dlm Ambigapathy Pandian,

- Murshidi Harun@ Zakaria, Tan Hock Thye, Siti Noraini Jupri, & Noraini Ali (Eds.), *Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pandian, A., Harun, M., Jupri, S. N., & Ali, N. (2011). *Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harun Baharudin. (2017). Strategi dan Teknik Terjemahan Novel Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 17(4), 225-243.
- Harun Baharudin, Hibatullah Zamri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017). Strategi terjemahan dalam pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar IPT. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau 2017*, 355-363.
- House, J. 2009. *Penterjemahan*. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Ibrahim Abdullah. (2003). *Penyediaan Buku Teks Bahasa Arab untuk Pelajar Dewasa*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Intan Syafinaz Zainudin. 2003. Peranan terjemahan dalam pemantapan kemahiran membaca dalam bahasa Inggeris di kalangan pelajar universiti. Dlm. Abdullah Hassan (Ed.), *Terjemahan dalam bidang pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Larsen-Freeman, D. (2000). *Techniques and Principles in Language Teaching*. Oxford University Press.
- Maimun Aqsha Lubis. (2009). Keunggulan Kaedah Elektik Sistematik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab kepada Pelajar Melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, 1(2), 29-38.
- Muntaha Farah Sulieman Samardali & Atika Mohammad Hasan Ismael. (2017). Translation as a tool for teaching English as a second language. *Journal of Literature, Languages and Linguistics*, 40, 64-69.
- Nair, S. (2011). Motivating ESL students using translation method. Dlm Asiah Jamil, Noor Ida Ramli & Noraizah Abdul Aziz (Eds.), *Globalisation through translation: A catalyst for knowledge and technological excellence*. Malaysian Translators Association.
- Nik Norimah Tuan Mat. (2015). *Penggunaan kaedah terjemahan dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Intiaz Dungun, Terengganu*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azmi Mosfata. (2003). Translation as a teaching technique in the ESL classroom. Dlm Abdullah Hassan (Ed.), *Terjemahan dalam bidang pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noresah Baharom, Ibrahim Ahmad, Azizah Supardi, Saidah Kamin, Aziah Tajudin, Salmah Jabbar, Hairani Mohd Khalid & Rodziah Abdullah (Eds.). (2021). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wahid, P. R. A. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir & Noor Ein Mohd. Noor. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosni Samah. (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*, 286-300.
- Rosni Samah. (2013). *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab kepada Pelajar Bukan Arab*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Ikbal Sheikh Salleh. (2006). Masalah penguasaan pertuturan bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah agama di Selangor. Dlm Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa. *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Vaezi, S. & Mirzaei, M. (2007). The Effect of Using Translation from L1 to L2 as a Teaching Technique on the Improvement of EFL Learners' Linguistic Accuracy-Focus on Form. *Humanising Language Teaching*, 5(9).
- Zainab Ahmad & Zaiton Ab. Rahman. (1992). *Pendekatan Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.